



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (SUPERSCALE C)
PEJABAT KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN
SEKURITI DAN UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
PEJABAT KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN
SEKURITI DAN UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Dasar / Keselamatan / Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai Ketua Pejabat Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri, yang bertanggungjawab bagi memastikan hala tuju dan pengurusan kerja yang teratur dan sistematik di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan di pejabat tersebut;
2. Membantu Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dalam menggubal dan menyelaraskan dasar-dasar yang berkaitan dengan sektor keselamatan dan penguatkuasaan termasuk dalam isu-isu jenayah rentas sempadan;



3. Bertanggungjawab terhadap pengurusan dasar dan hal ehwal pentadbiran bagi jabatan-jabatan di bawah Pejabat Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri;
4. Menyelaraskan pelaksanaan isu-isu strategik yang berkaitan dengan sektor keselamatan dan penguatkuasaan, termasuk Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri;
5. Menjadi Setiausaha atau Ketua Urus Setia bagi jawatankuasa-jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, yang berkaitan dengan hal ehwal keselamatan dan penguatkuasaan;
6. Bertanggungjawab terhadap komitmen-komitmen dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan sektor keselamatan dan penguatkuasaan di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa seperti mesyuarat *ASEAN* dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; dan
7. Melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dari semasa ke semasa.